



KENYATAAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-35

PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)

6 Januari 2021



PENGENALAN

1. Diharapkan agar semua berada dalam keadaan sihat dan selamat, khususnya bagi mereka di beberapa negeri yang sedang dilanda banjir sewaktu musim tengkujuh ini. Saya percaya semua kekal mengikuti SOP dalam membendung penularan wabak COVID-19.
2. **Laporan LAKSANA yang ke-35 ini juga merupakan laporan pertama bagi tahun baru 2021.** Laporan ini akan mengulas berhubung status pelaksanaan PENJANA dan KITA PRIHATIN, manakala status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.
3. Izinkan saya membuka tirai dengan memetik laporan berita sebuah syarikat media antarabangsa¹, yang meletakkan Malaysia di tempat kelima sebagai destinasi tumpuan pelaburan dan perniagaan utama di kalangan ekonomi membangun sedunia bagi tahun 2021, mengatasi negara-negara seperti China, Filipina, India dan Indonesia.
4. Ini berdasarkan, antara lainnya, potensi pemulihan ekonomi yang pesat, serta kedudukan fiskal dan kewangan negara yang stabil. Seterusnya, berdasarkan Indeks *lockdown* berkesan, sebuah perunding antarabangsa meramalkan bahawa Malaysia adalah antara 3 negara yang mempunyai ruang paling banyak untuk mengawal dan meredakan pandemik COVID-19 pada tahun 2021, dan sebaik sahaja ini berjaya dilakukan, ekonomi kita dijangka melonjak semula dengan lebih pesat lagi.

¹ <https://www.bloomberg.com/graphics/2020-emerging-markets-recovery-ranking/>

5. Saya juga ingin memetik sebuah laporan sebuah firma perunding² antarabangsa baru-baru ini yang menyimpulkan bahawa Kuala Lumpur kekal menarik kepada komuniti perniagaan antarabangsa. Ini mengambil kira faktor-faktor seperti kemudahan infrastruktur yang bersepadu, kepelbagaian dan mutu sumber manusia, serta kesediaan negara kita dalam mengadaptasi teknologi digital.
6. Tambahan pula, saya ingin menyentuh bahawa tempoh bagi pelbagai insentif cukai dan pelaburan melalui PENJANA telah dipanjangkan melalui Belanjawan 2021. **Ini termasuk kadar cukai istimewa kepada syarikat pengilang terpilih yang memindahkan lokasi perniagaan ke Malaysia dan membuat pelaburan baharu** (insentif dilanjutkan selama setahun lagi sehingga 31 Disember 2022) dan **galakan cukai kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan terpilih yang memberi kesan pengganda signifikan**, dengan kadar cukai pendapatan 0 – 10% sahaja untuk tempoh 10 tahun.
7. Dalam Kerajaan merangka perjalanan ekonomi negara pasca COVID-19 ini, semestinya sebarang keputusan perlu mengimbangi antara pengurusan sumber sedia ada, serta impak positif atau pengganda bagi jangka masa pendek dan panjang. Pendekatan ini akan terus diamalkan oleh Kementerian Kewangan di dalam penggubalan setiap dasar.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

8. Di bawah pelan ini, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu:
 - a. **Memperkasakan Rakyat;**
 - b. **Melonjakkan Perniagaan;** dan
 - c. **Merangsang Ekonomi.**

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

9. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40)** bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit khas buat kumpulan B40**. Mereka yang layak adalah terdiri dari penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan berdaftar yang berumur 40 tahun dan ke atas. Di antara tempoh **1 Julai sehingga 25 Disember 2020**, sebanyak **191,737 tuntutan** diterima dengan nilai **RM19.57 juta** (berbanding 186,312 tuntutan dengan jumlah RM18.35 juta pada minggu sebelumnya).
10. **Kedua, Program Subsidi Upah (PSU) (fasa pertama atau PSU 1.0)**. Sehingga 30 September 2020 iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. **Sehingga 25 Disember**, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai **RM12.682 bilion** (berbanding RM12.608 bilion pada minggu sebelumnya).

² https://www.ey.com/en_my/consulting/why-kuala-lumpur-is-garnering-investments-from-next-gen-digital-mnacs

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
25 Disember	12.682	2.640	322,177
18 Disember	12.608	2.640	322,177
11 Disember	12.608	2.640	322,177
4 Disember	12.549	2.640	322,177
27 November	12.524	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

11. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Setakat **25 Disember**, seramai **128,778 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini (berbanding 122,126 pekerja pada minggu sebelumnya). Jumlah ini merangkumi **102,623 orang di bawah umur 40 tahun, 17,394 individu berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 7,417 perantis dan 1,344 orang kelainan upaya (OKU)**. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
18 Disember	97,354	16,348	7,132	1,292	122,126
11 Disember	85,242	13,513	6,420	1,268	106,443
4 Disember	79,428	12,465	6,122	1,267	99,282
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain

3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

12. **Keempat, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Setakat **25 Disember**, seramai **130,385 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan (berbanding 129,667 individu pada minggu sebelumnya). Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang tertera di bawah, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>

4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER)	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

13. **Kelima, subsidi pengangkutan awam MY30. Setakat 25 Disember**, sebanyak **RM127.74 juta** telah disalurkan bagi langganan **751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had bernilai RM30** ini, yang disediakan khusus untuk warganegara Malaysia (berbanding RM123.8 juta bagi 728,225 pas bulanan pada 11 Disember 2020). Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

14. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Jumlah dan nilai pinjaman yang telah diluluskan adalah seperti berikut.

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
25 Disember	5,764	1,122.1
18 Disember	5,764	1,122.1
11 Disember	5,576	1,096.7
4 Disember	5,397	1,072.6**
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh pengulangan permohonan yang dikenal pasti lantaran penyelarasan dan analisa lanjut.

15. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion** khusus bagi PKS dan PKS mikro di dalam sektor ini yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat **25 Disember**, terdapat **550 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **261 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM52.8 juta** (berbanding 245 permohonan dengan nilai RM49.9 juta pada 11 Disember 2020).

16. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**, juga khas untuk PKS Mikro. Sehingga **25 Disember**, sebanyak **RM99.4 juta** telah disalurkan di bawah TBRS dan memanfaatkan **14,893 PKS Mikro**.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
25 Disember	14,893	99.4
18 Disember	14,893	99.4
11 Disember	14,861	99.2
4 Disember	14,267	94.8
27 November	14,267	94.8
30 Oktober	11,972	79.7
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

17. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN)**. Sehingga **25 Disember**, sebanyak **RM282.8 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **8,158 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
25 Disember	8,158	282.8
18 Disember	8,158	282.8
11 Disember	7,252	253.1
4 Disember	7,252	253.1
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

18. **Kelima, Bumiputera Relief Financing (BRF)** yang diuruskan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB). Bantuan dana khas RM200 juta ini disalurkan kepada PKS bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta** bagi PKS terlibat. Setakat **25 Disember**, dana ini telah disalurkan kepada **322 PKS** melibatkan jumlah **RM82.8 juta** (berbanding 270 PKS dengan jumlah RM68.2 juta pada 11 Disember 2020).

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

19. **Pertama, sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan** bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Daripada jumlah **peruntukan sebanyak RM400 juta**, **RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank**. Sehingga **25 Disember**, sebanyak **RM64.7 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **6,325 PKS Mikro pertanian** (berbanding RM60.9 juta untuk 6,094 PKS Mikro pertanian pada 11 Disember 2020).

20. **Kedua, pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi** yang juga merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Inisiatif ini dapat memudahcara penjualan hasil pekebun kecil kepada kilang-kilang. Setakat **25 Disember**, nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri komoditi negara ialah **sebanyak RM426.9 juta** (berbanding RM373 juta pada 11 Disember 2020).
21. **Ketiga, pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang.** Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU). Setakat **25 Disember**, nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah **RM197.57 juta** (berbanding RM192.7 juta pada minggu sebelumnya). **Seperti yang dimaklumkan pada minggu lalu, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan insentif cukai ini sehingga 30 Jun 2021**, sebagai langkah untuk terus merancakkan sektor automotif dan aktiviti ekonomi negara.

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

22. **Pertama, bagi Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0)**, proses semakan permohonan baru dan rayuan masih dijalankan. Kerajaan akan mengumumkan tarikh pembayaran fasa kedua dalam masa terdekat, serta permohonan baru dan rayuan yang lulus, yang dijangka disalurkan mulai bulan ini juga. Manaka penunaian fasa pertama BPN 2.0 melalui BSN bagi mereka yang gagal kredit juga masih sedang diteruskan.
23. **Kedua, bagi Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0.** Proses semakan permohonan baru dan rayuan sedang melalui proses semak silang antara LHDN dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan keputusan akan diumumkan dalam masa terdekat.
24. **Ketiga, PSU 2.0 di bawah pakej KITA PRIHATIN.** Setakat **25 Disember**, sejumlah **RM418.67 juta** telah disalurkan kepada **39,203 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **307,420 pekerja** (berbanding RM239.73 juta bagi 51,022 majikan dan 420,193 pekerja pada minggu sebelumnya).

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
25 Disember	418.67	420,193	51,022
18 Disember	239.73	307,420	39,203
11 Disember	239.73	307,420	39,203
4 Disember	239.73	307,420	39,203
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

*Jumlah Kumulatif

ULASAN ISU SEMASA

25. Minggu lepas kita telah dikejutkan dengan situasi banjir yang teruk melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia akibat musim tengkujuh yang masih berterusan. Terdapat juga laporan tanah runtuh dan jalan raya yang terputus dan sebagainya, akibat musim hujan yang luar biasa pada awal tahun baru ini.
26. Kami doakan agar ribuan mangsa yang terkesan oleh bencana ini akan segera pulih keadaan mereka, dan saya berharap agar semua yang berada di negeri-negeri terlibat mengambil langkah berjaga-jaga di dalam apa jua aktiviti. Ikutilah arahan pihak berkuasa bagi memastikan proses pergerakan dan pemindahan yang selamat.
27. Pihak Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan bagi membantu mangsa banjir, dan memastikan infrastruktur di kawasan terjejas boleh pulih seperti sediakala. InsyaAllah, Kerajaan sedia menambah peruntukan di mana perlu.

PENUTUP

28. Sebagai penutup, izinkan saya untuk mengingatkan kita semua agar terus mengikut SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian, khususnya dengan cuti persekolahan, cuti-cuti awam dan aktiviti rentas negeri. Walaupun vaksin COVID-19 akan dibekalkan bermula bulan Februari ini, ingatlah bahawa warga Kementerian Kesihatan dan para barisan hadapan masih bertungkus lumus membendung wabak ini demi keselamatan kita. Kita juga perlu melihat diri kita sendiri sebagai barisan hadapan, yang membantu membendung COVID-19 dari segi pematuhan SOP dan saling ingat-mengingati di antara kita.
29. Sekian, *stay safe*, dan teruskanlah tanggungjawab kita untuk membendung wabak ini demi keselamatan diri dan orang yang tersayang. Sekian, terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
6 Januari 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 18 Disember 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM14.41 bilion (berbanding RM14.05 bilion pada minggu sebelumnya) dan melibatkan 4.88 juta penerima (berbanding daripada 4.86 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 25 Disember 2020, sebanyak RM455.23 juta telah disalurkan berdasarkan 1,361,424 tuntutan (berbanding RM44.94 juta melibatkan 1,334,569 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Diskaun bil elektrik	a. Setakat 25 Disember 2020, sebanyak RM2.10 bilion dalam bentuk diskaun bil elektrik (berbanding RM2.08 bilion pada minggu sebelumnya) telah disalurkan kepada 8.6 juta pengguna domestik tenaga elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Bhd. b. Diskaun bil elektrik ini adalah lanjutan daripada Bantuan PRIHATIN Elektrik yang diperkenalkan semasa Pakej PRIHATIN. Diskaun yang diberikan adalah pada kadar antara 2 peratus ke 50 peratus berdasarkan kadar penggunaan, dan inisiatif ini disediakan sehingga 31 Disember 2020.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																									
4.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 25 Disember 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.29 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,012 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>18 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>11 Disember</td><td>11.24</td><td>23,875</td></tr> <tr> <td>4 Disember</td><td>11.17</td><td>23,759</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	25 Disember	11.29	24,012	18 Disember	11.29	24,012	11 Disember	11.24	23,875	4 Disember	11.17	23,759	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																							
25 Disember	11.29	24,012																																							
18 Disember	11.29	24,012																																							
11 Disember	11.24	23,875																																							
4 Disember	11.17	23,759																																							
27 November	11.13	23,711																																							
30 Oktober	10.87	23,305																																							
25 September	10.67	22,984																																							
28 Ogos	10.3	22,440																																							
Julai	9.6	21,410																																							
Jun	8.4	19,539																																							
Mei	6.9	16,833																																							
April	1.5	3,636																																							